

Indo-China ASEAN teruk terjejas dasar Trump 2.0

- Malaysia bakal menerima tempias secara langsung daripada dasar ekonomi Trump ketika ini, namun tidak pasti dalam masa terdekat atau pertengahan tahun ini

- Kesan tidak langsung sudah pun dirasai seperti ketidaktentuan pada pergerakan ringgit dan saham tempatan



Felo Bersekutu Kanan,
Institut Dasar Ekonomi
Dan Kewangan (Ecofi),
Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Iwan Shah
Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Malaysia melangkah ke 2025 dengan membawa prestasi ekonomi agak baik

Tahun lalu, nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5.1 peratus bagi keseluruhan 2024, berbanding 3.6 peratus pada 2023.

Namun begitu, satu cabaran utama kepada ekonomi negara pada 2025 adalah ketidaktentuan dalam dasar serta strategi ekonomi Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang juga dikenali sebagai

Trumpdonomics

Dua elemen utama dalam dasar ekonomi Trump adalah kenaikan tarif dan usaha menjadikan AS kembali hebat menerusi slogan *Make America Great Again* (MAGA) yang bersifat perlindungan dalam dasar ekonomi.

Sebagai salah sebuah negara dagang utama dunia serta mempunyai nisbah perdagangan kepada KDNK tinggi sekitar 130 peratus, ekonomi Malaysia pasti menerima tempas daripada dasar dasar baharu ekonomi Trump, secara langsung atau tidak.

Ketika ini, ekosistem perdagangan global dan geopolitik dunia sudah pun bergolak sejak Trump menjadi Presiden AS ke-47 pada awal tahun ini. Beberapa siri kenaikan tarif sudah dilaksanakan.

Sebagai contoh, tarif import dari China dinaikkan secara kumulatif sekitar 20 peratus. AS juga memperkenalkan tarif ke atas import keluli dan aluminium sebanyak 25 peratus.

Terkini, Trump mengumumkan AS akan mengenakan tarif dasar sebanyak 10 peratus ke atas semua import ke AS dan duti yang lebih tinggi ke atas puluhan negara lain.

Negara anggota wilayah Indo-China ASEAN paling teruk terjejas akibat tarif itu dengan Kemboja dikenakan tarif asas dan timbal balik berjumlah 49 peratus, diikuti Laos (48 peratus), Vietnam (46 peratus) dan Myanmar (44 peratus).

Thailand dikenakan tarif 36 peratus, Indonesia (32 peratus), Brunei dan Malaysia (masing-masing 24 peratus), Filipina (17 peratus) dan Singapura pada tarif asas 10 peratus. Semua ini mengaki-
batkan dasar timbal balik daripada negara terse-
but secara langsung.

Ini dapat dilihat terhadap apa yang dilaksanakan China kepada AS, misalnya dengan menaikkan tarif import terhadap produk pertanian dan tenusu AS, begitu juga dengan tenaga dan jentera pertanian dari AS. China melaksanakan siasatan antimonopoli kepada beberapa syarikat dari AS, seperti Google dan beberapa firma bioteknologi beroperasi di China.

Di negara Kesatuan Eropah (EU) dan Kanada pula, reaksi timbul balik mereka adalah seperti mengenakan tarif ke atas minuman beralkohol serta barangan pembuatan dari AS. Jika dilihat dalam media sosial seperti di platform TikTok, rakyat Kanada sudah melancarkan kempen memboikot barangan daripada AS secara besar-besaran.

Semangannya, keadaan ini, jika berterusan akan mengakibatkan gangguan kepada struktur rantai global secara keseluruhannya. Semua ini akhirnya tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada ekonomi dan perdagangan dunia.

Bagi Malaysia, persoalan asas di sini adalah, apakah dasar serta strategi terbaik untuk mengurangkan kesan negatif mendepani dasar ekonomi Trump 2.0 kepada ekonomi Malaysia?

“ Dengan adanya kestabilan politik, disertai dengan dasar serta strategi komprehensif dan proaktif, kesan negatif daripada dasar ekonomi Trump 2.0 dapat diminimumkan ”

Malaysia bakal menerima tempias secara langsung daripada dasar ekonomi Trump ketika ini. Namun, kita tidak pasti dalam masa terdekat atau pada pertengahan tahun ini. Kesan tidak langsung sudah pun dirasakan seperti ketidakketentuan pada pergerakan ringgit dan saham tempatan.

Kesan terhadap prospek prestasi perdagangan
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz menjangkakan ada kesan negatif terhadap prospek prestasi perdagangan negara pada tahun ini, terutama pengenaan tarif secara meluas terhadap industri semikonduktor.

Serentak itu, atas kapasiti Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, di bawah Tonggak Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Tengku Zafrul akan memperkerusi Mesyuarat Khas Menteri Ekonomi ASEAN pada 10 April ini.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan impiikasi lebih meluas daripada langkah tarif AS ke atas allan perdagangan dan pelaburan serantau serta kestabilan makroekonomi. Malaysia juga mungkin terkesan akibat jangkaan pengenaan tarif terhadap produk getah, koko, kenderaan, alkohol dan tembakau.

Selain itu, gangguan kepada rantaian bekalan global juga dijangka memberi kesan secara tidak langsung kepada ekonomi Malaysia, terutama dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), antara komponen terbesar dalam sektor luar negara.

Ketika era Trump kali pertama menjadi Presiden pada 2017 hingga 2021 (Trump 1.0), ekonomi Malaysia tidak begitu dihabat dengan teruk akibat *Trumponomics*. Pada 2017 misalnya, ekonomi Malaysia berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi agak membe-rangsangkan, iaitu pada kadar 5.9 peratus.

Transformasi ekonomi berlaku pada ketika itu memungkinkan ekonomi negara beralih ke arah status negara berpendapatan tinggi. Namun begitu, pada 2018 sehingga 2021, tidak dapat dinafikan prestasi ekonomi negara agak terganggu dan mengalami krisis ekonomi pada 2020.

Namun begitu, perlu dijelaskan bahawa apa yang berlaku pada 2018 sehingga 2021 tidaklah sepenuhnya berpunca daripada dasar ekonomi Trump ketika itu. Ia lebih kepada faktor lain, seperti pandemik COVID-19 dan faktor dalaman seperti ketidaktentuan dalam pengurusan ekonomi dan ketidakstabilan politik yang berlaku.

Maka, adalah penting untuk kerajaan mengambil iktibar daripada sejarah, iaitu kepentingan mengekalkan kestabilan politik sedia ada dalam mendepani cabaran Trump 2.0 yang baru sahaja bermula.

Kerajaan perlu memastikan apakah tindakan proaktif perlu dibuat untuk lebih responsif terhadap apa yang berlaku dalam konteks kerangka Ekonomi MADANI. Ini untuk memastikan kekuatan ekonomi kekal utuh, daya saing ekonomi dapat ditingkatkan serta memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin. Pada masa sama, kerajaan perlu memastikan pasaran perdagangan dan pelaburan negara dipelbagaikan.

Ia termasuk menceburi dalam pasaran negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC), negara anggota BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) serta menggunakan peluang sepenuhnya dalam perjanjian multilateral sedia ada seperti Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP).

Selain itu, Kepengurusan ASEAN Malaysia 2025 perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan aktiviti perdagangan dan pelaburan bersama seperti pematerian perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) pada Januari lalu.

Dengan adanya kestabilan politik, disertakan dengan dasar serta strategi komprehensif dan proaktif, kesan negatif daripada dasar ekonomi Trump 2.0 dapat diminimalkan. Bukan itu sahaja, jika apa yang dilakukan tepat pada masanya, Malaysia boleh mendapat kesan positif terhadap ketidaktentuan ekonomi global berlaku ketika ini.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH